

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA
(KoBPM) BERHAD

Tarikh daftar	20/11/1974
Nombor daftar	4981

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Tajuk dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.
3. Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

4. Nama.
5. Alamat.
6. Kawasan operasi.

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

7. Matlamat.
8. Fungsi.
9. Aktiviti.

BAHAGIAN IV

KEANGGOTAAN

10. Anggota.
11. Kelayakan menjadi anggota.

12. Permohonan menjadi anggota.
13. Fi masuk.
14. Akuan anggota.
15. Penerimaan menjadi anggota.
16. Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota.
17. Pemberian Undang-undang Kecil.
18. Penama.
19. Liabiliti anggota.
20. Hilang kelayakan sebagai anggota.
21. Terhenti menjadi anggota.
22. Menarik diri.
23. Penggantungan dan penamatkan anggota.
24. Penyelesaian wang anggota.

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

25. Mesyuarat agung perwakilan.
26. Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan,
27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan.
28. Mesyuarat agung perwakilan khas.
29. Notis mesyuarat agung perwakilan.
30. Kuorum mesyuarat agung perwakilan.
31. Undi mesyuarat agung perwakilan.
32. Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas.
33. Fungsi mesyuarat agung perwakilan.

34. Pengerusi mesyuarat agung perwakilan.
35. Minit mesyuarat agung perwakilan.
36. Lembaga Koperasi.
37. Kelayakan menjadi anggota Lembaga.
38. Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga.
39. Pelucutan jawatan anggota Lembaga.
40. Penamatan pelantikan anggota Lembaga.
41. Penggantungan dan penamatan jawatan anggota Lembaga.
42. Penggantungan jawatan pegawai Koperasi.
43. Peletakan jawatan anggota Lembaga.
44. Mesyuarat Lembaga.
45. Notis mesyuarat Lembaga.
46. Kuorum mesyuarat Lembaga.
47. Urusan mesyuarat Lembaga.
48. Undi anggota Lembaga.
49. Minit mesyuarat Lembaga.
50. Kuasa dan kewajipan Lembaga.
51. Liabiliti anggota Lembaga.
52. Tugas pengerusi.
53. Tugas setiausaha.
54. Tugas bendahari.
55. Jawatankuasa Audit Dalaman.
56. Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman.
57. Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.
58. Penamatan Jawatankuasa Audit Dalaman.

59. Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VI

HARTA DAN WANG KOPERASI

60. Wang dan kumpulan wang Koperasi.

61. Modal syer.

62. Yuran.

63. Pindahan syer.

64. Penyelesaian modal syer.

65. Simpanan khas.

66. Pinjaman dan deposit.

67. Keuntungan modal.

68. Penerbitan syer bonus.

69. Kumpulan Wang Rizab Statutori.

70. Pelaburan wang.

71. Pemberian pinjaman oleh Koperasi.

72. Pengagihan untung bersih teraudit.

73. Dividen dan potongan langganan.

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

74. Tahun kewangan.

75. Penyenggaraan akaun.

76. Resit dan baucar.

77. Pelantikan dan kewajipan juruaudit.

78. Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit.
79. Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada anggota.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

80. Akaun bank.
81. Mohor Koperasi.
82. Pertukaran alamat anggota.
83. Penyediaan dokumen untuk diperiksa.
84. Penyerahan tugas.
85. Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi.
86. Pelantikan Yang Dipertua.
87. Pertikaian.
88. Pemeliharaan kerahsiaan.
89. Pembubaran.
90. Akta, peraturan-peraturan dan Undang-Undang Kecil.
91. Undang-Undang Kecil hendaklah mengikat anggota.

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang Kecil Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“**akaun teraudit**” termasuklah penyata kewangan, dan laporan Lembaga dan laporan juruaudit di bawah subseksyen 59(1) Akta, sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan;

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**anggota**” termasuklah seseorang yang turut sama di dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota Koperasi mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi selepas pendaftaran;

“**arahan**” ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**aturan**” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta, peraturan-

14
Mai.....tarikh.....
2019
Didafarkan pada hari ini.....

(DATUK NORDIN BIN SALLEH)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

-peraturan, garis panduan, Undang-undang Kecil, arahan Suruhanjaya dan kelulusan mesyuarat agung perwakilan;

“**caruman**” ertinya jumlah wang yang disumbangkan oleh seorang anggota koperasi ini bagi modal yuran dan modal syer;

“**dividen**” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar modal syer dan modal yuran yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**elaun**” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

“**garis panduan**” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**honorarium**” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit Koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**kawasan operasi**” ertinya kawasan di mana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya;

“**kesalahan boleh daftar**” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“**Koperasi**” atau “**KoBPM**” atau “Koperasi ini” ertinya **Koperasi Bank Pertanian Malaysia Berhad**;

“**Lembaga**” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“pegawai” berhubung dengan Koperasi ertinya seorang pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, peraturan-peraturan atau perintah atau Undang-undang Kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“pelantikan” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Pengerusi Eksekutif” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“penyata kewangan” ertinya akaun perdagangan dan untung rugi, akaun pembahagian keuntungan, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan;

“Peraturan” ertinya Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“perwakilan” ertinya wakil anggota individu yang dipilih di mesyuarat peringkat kawasan anggota-anggota Koperasi ini, bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“potongan langgan” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperoleh, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“prinsip koperasi” termasuklah—

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;

- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“pulangan” termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusniaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“sabitan” termasuklah sesuatu daptan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“simpanan khas” ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“subsidiari” ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“syer” ertinya bahagian di dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya di dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

“syer bonus” ertinya syer tambahan yang diberikan secara percuma kepada anggota sedia ada berdasarkan jumlah syer yang dipegang;

“tanah” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (*Akta 388*);

“Undang-undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang Kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“wang berlebihan” ertinya tertakluk kepada peraturan-peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“waris” ertinya orang yang berhak mendapat hak atau bahagian mengikut hukum Islam daripada harta pusaka seseorang anggota Muslim yang mati; dan

“yuran” ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya di dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan di dalam Undang-undang Kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta.

Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif di dalam sesuatu undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan nahu dan perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan di dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan di dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan **Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad.**

Alamat

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah **No.12A, Jalan TTDI Grove 1/2, Taman TTDI, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

(2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat, menurut seksyen 11 Akta.

Kawasan operasi

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah **seluruh Malaysia.**

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

7. Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Fungsi

8. Fungsi Koperasi ini ialah **kredit.**

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan—
- (a) menjalankan aktiviti berikut:
 - (i) mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota-anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatan dan memberi pembiayaan kepada anggota bagi maksud yang berfaedah dan mendatangkan keuntungan;
 - (ii) membeli dan menjual peralatan keperluan anggota;
 - (iii) mengusahakan perniagaan kantin atau kafetaria;
 - (iv) menjalankan perniagaan sewa pokok bunga, perkhidmatan landskap, mencuci pejabat dan menjadi agen insurans;
 - (v) menjalankan aktiviti - aktiviti kontrak serta menyertai perolehan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan swasta;
 - (vi) menjalankan aktiviti pajai gadai Islam Ar-Rahnu serta urusan pembelian dan penjualan emas atau barang berharga dan yang berkaitan dengannya;
 - (vii) menjalankan aktiviti perkhidmatan pelancongan;
 - (viii) menjalankan aktiviti perniagaan francais;
 - (ix) menjalankan aktiviti pertanian termasuk perladangan, penternakan, perikanan dan serta menjalankan penyelidikan bioteknologi;
 - (b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
 - (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
 - (d) melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
 - (e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan
 - (f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi dan lain-lain entiti yang didaftarkan.

(2) Bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan—

- (a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pembiayaan atau simpanan khas daripada anggota; dan
- (b) pembiayaan daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e) Akta dan peraturan-peraturan.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan aturan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.

(4) Bagi maksud perenggan 50(e) Akta, Koperasi hendaklah—

- (a) menyediakan aturan yang mengandungi terma dan syarat berhubung dengan:
 - (i) deposit dan pembiayaan daripada anggota; dan
 - (ii) pembiayaan daripada bukan anggota;
- (b) membentangkan aturan itu di dalam mesyuarat agung perwakilan untuk kelulusan; dan
- (c) mengemukakan aturan itu kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

Walau apapun perenggan (b), Suruhanjaya boleh, demi kepentingan Koperasi, mengarahkan supaya aturan dipinda.

(5) Walau apapun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

-----RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG-----

BAHAGIAN IV
KEANGGOTAAN

Anggota

10. Anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama di dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

Kelayakan menjadi anggota

11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada
- (a) **kakitangan dan bekas kakitangan Agrobank yang juga dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia Berhad; dan**
 - (b) **kakitangan dan bekas kakitangan koperasi ini.**
- (2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah—
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) telah mencapai umur lapan belas tahun;
 - (c) bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah di dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan
 - (d) bukan seorang yang:
 - (i) tidak upaya dari segi mental;
 - (ii) bankrap yang belum dilepaskan;
 - (iii) terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
 - (iv) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu.

Permohonan menjadi anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat di dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.

Fi masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak **RM20.00 (Ringgit: dua puluh)**. Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak **RM50.00 (Ringgit: lima puluh)**.

(3) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

Akuan anggota

14. (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah menandatangani suatu akuan bahawa dia—

- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan;
- (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
- (d) tidak pernah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani akuan tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

(3) Seseorang yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dan mereka yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi ini, dikehendaki menandatangani akuan menurut fasal (1) dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran Koperasi.

Penerimaan menjadi anggota

15. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga di dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu. Lembaga hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada setiap pemohon

dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas keputusan dibuat ke atas permohonan mereka.

Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota

16. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran **RM2,000.00 (Ringgit: dua ribu)** syer boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

Pemberian Undang-undang Kecil

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran sebanyak **RM10.00 (Ringgit: sepuluh)**.

Penama

18. (1) Koperasi hendaklah menyimpan dengan kemaskini suatu Daftar Penama yang mengandungi sekurang-kurangnya nama, nombor kad pengenalan dan alamat penama.

(2) Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah menamakan seorang wakil di sisi undang-undang untuk menerima setelah dia mati wang yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris.

(3) Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama.

(4) Anggota itu boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.

(5) Penamaan hendaklah dibuat di dalam borang rasmi Koperasi.

Liabiliti anggota

19. (1) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.

(2) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.

(3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati tidak bertanggungan bagi hutang Koperasi ini sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu, menurut subseksyen 35(2) Akta.

(4) Harta pusaka menurut fasal (3) adalah syer di dalam Koperasi ini.

Hilang kelayakan sebagai anggota

20. Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia—

- (a) tidak upaya dari segi mental;
- (b) diisyiharkan bankrap;
- (c) disabitkan atas kesalahan boleh daftar;
- (d) dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta; atau
- (e) tidak lagi bermastautin, mempunyai harta tanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi.

Terhenti menjadi anggota

21. (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:

- (a) mati;
- (b) menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau
- (c) ditamatkan keanggotaan menurut undang-undang kecil 23.

(2) Lembaga hendaklah memecat daripada keanggotaan seseorang yang—

- (a) didapati membuat akuan palsu menurut fasal (1) undang-undang kecil 14;
- (b) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20;
- (c) terhenti keanggotaan menurut perenggan (c) fasal (1);
- (d) gagal menjelaskan syer minimum mengikut undang-undang kecil 61; atau

(e) gagal menjelaskan yuran menurut undang-undang kecil 62 **dua belas** bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga dan peruntukan ini adalah terpakai kepada anggota biasa.

(3) Walau apapun fasal 21(2)(e), anggota yang terdiri daripada bekas kakitangan AgroBank dan bekas kakitangan koperasi boleh meneruskan keanggotaan tanpa mencarum yuran sebagaimana di bawah fasal 62 dengan syarat mengekalkan modal yuran sekurang-kurangnya **RM3,000.00** (**Ringgit: tiga ribu**).

Menarik diri

22. (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis **tidak kurang tiga bulan** terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan pemulangan caruman dalam tempoh tidak lebih dari tiga bulan daripada tarikh kelulusan berhenti anggota.

(2) Keanggotaan anggota terhenti serta-merta pada tarikh pemberhentian yang diluluskan oleh mesyuarat lembaga.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

Penggantungan dan penamatkan anggota

23. (1) Lembaga boleh menggantung keanggotaan mana-mana anggota sekiranya majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak mengikut suatu cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi jika melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan di dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;

- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjasakan urusan perniagaan Koperasi ini; atau
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjasakan perjalanan mesyuarat itu.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan mana-mana anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya. Anggota berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menyatakan sebab secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh surat diterima mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai fungsi pertama mesyuarat. Anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Anggota yang digantung di bawah fasal (1) hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala haknya di dalam Koperasi dan tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah selama tempoh penggantungan itu melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung perwakilan.

(5) Apa-apa penggantungan keanggotaan di bawah fasal (1) adalah tertakluk kepada pengesahan majoriti perwakilan di mesyuarat agung perwakilan terawal yang diadakan selepas mesyuarat agung perwakilan itu—

- (a) mendengar penjelasan daripada anggota berkenaan sekiranya anggota berkenaan hadir; atau
- (b) menimbang fakta pertuduhan yang dibentangkan oleh Lembaga, sekiranya anggota tersebut tidak hadir.

(6) Pengesahan penggantungan keanggotaan anggota itu oleh mesyuarat agung perwakilan di bawah fasal (5) hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa dari tarikh penggantungan anggota itu.

(7) Selepas pengesahan pengantungan keanggotaan oleh mesyuarat agung perwakilan, keanggotaan anggota itu hendaklah ditamatkan mulai dari tarikh mesyuarat agung perwakilan itu.

(8) Jika pengantungan keanggotaan di bawah fasal 1 tidak disahkan oleh mesyuarat agung perwakilan, Koperasi hendaklah mengekalkan keanggotaan anggota itu, dan apa-apa faedah yang patut diterima oleh anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Penyelesaian wang anggota

24. (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah—

- (a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaan, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
- (b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
- (c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik;
- (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis; dan
- (e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin atau mempunyai tanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, dikembalikan kepadanya dengan segera.

(2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan di dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 63 dan 64.

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat agung perwakilan

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, perintah, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletakhak pada mesyuarat agung perwakilan menurut seksyen 36 Akta yang padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(2) Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan

26. (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **empat puluh** orang anggota.

(2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:

- (a) bagi **satu ratus** orang anggota yang pertama, seorang perwakilan;
- (b) bagi tiap-tiap **tiga puluh** orang anggota, seorang perwakilan; dan
- (c) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi **lima belas** orang.

- (3) Notis bagi mesyuarat agung kawasan hendaklah—
- (a) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat;
 - (b) diberi kepada anggota yang layak dan tinggal dalam sesuatu kawasan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu; dan
 - (c) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah.

(4) Hanya anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 16 pada satu bulan sebelum mesyuarat agung kawasan berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.

(5) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota atau sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.

(6) Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah satu pertiga daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam kawasan yang berkenaan atau **lima belas** orang, mengikut mana yang kurang. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, bilangan anggota yang hadir belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.

(7) Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukkan menurut fasal (3). Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki menurut fasal (6), maka perwakilan tidaklah boleh dipilih dan hilanglah hak perwakilan kawasan itu.

(8) Anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih di kalangan mereka seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butiran mesyuarat.

Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengurus dan setiausaha mesyuarat itu dan hendaklah dikirimkan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat agung kawasan diadakan.

(9) Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam sesuatu mesyuarat agung kawasan.

(10) Seseorang anggota Lembaga hendaklah—

- (a) dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan;
- (b) menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Lembaga; dan
- (c) menjadi perwakilan sehingga mesyuarat agung kawasan yang terdekat.

(11) Mesyuarat agung kawasan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua tahun sekali, tidak lewat daripada dua bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah membentangkan perkara-perkara berikut—

- (a) akaun teraudit Koperasi, atau draf akaun;
- (b) belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada;
- (d) pemilihan perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi; dan
- (e) usul daripada Lembaga dan anggota, jika ada.

(12) Usul di bawah perenggan (e) fasal (11) hendaklah dikemukakan kepada Koperasi selewat-lewatnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung kawasan.

Mesyuarat agung perwakilan tahunan

27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat agung perwakilan khas

28. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan, mengikut mana yang kurang, hendaklah memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung perwakilan khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya dan boleh menentukan perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung perwakilan yang dipanggil menurut Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil ini.

Notis mesyuarat agung perwakilan

29. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada perwakilan dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah disertakan—

- (a) akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada, yang teraudit;
- (b) belanjawan bagi tahun kewangan yang berikutnya;
- (c) laporan Lembaga;
- (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (e) dokumen lain yang berkaitan.

(3) Notis penangguhan mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dihantar kepada semua perwakilan dalam masa tujuh hari dari tarikh yang ditetapkan. Perkara yang dicadangkan

untuk dibincangkan pada tarikh yang ditetapkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang ditangguhkan hendaklah dibincangkan di mesyuarat yang diadakan pada tarikh yang lain itu.

(4) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(5) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis menurut fasal (1) yang mengandungi maklumat mengenai tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

Kuorum mesyuarat agung perwakilan

30. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas bagi apa-apa maksud selain untuk meminda Undang-undang Kecil Koperasi adalah seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 15(1)(b) Peraturan.

(2) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan kerana meminda Undang-undang Kecil ini hendaklah dua pertiga dari jumlah perwakilan melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya menurut perenggan 7(2)(b) Peraturan.

(3) Sesuatu mesyuarat agung perwakilan tahunan yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah, jika dipanggil menurut subseksyen 39(1) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(4) Sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah—

(a) jika dipanggil oleh Lembaga atau atas rekuisisi perwakilan menurut subseksyen 40(1) Akta, dibatalkan; atau

(b) jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(5) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya yang ditangguhkan hendaklah tidak kurang daripada dua kali jumlah anggota Lembaga.

Undi mesyuarat agung perwakilan

31. (1) Semua agenda kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(2) Jika undi sama banyak, pengundian semula hendaklah dilakukan sehingga suatu keputusan dicapai.

(3) Perwakilan yang menghadiri mesyuarat agung perwakilan tetapi tidak mengundi dianggap berkecuali serta tidak diambilkira di dalam pengiraan undi bagi membuat sesuatu keputusan.

(4) Semua keputusan yang dibuat di mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang ditunda hendaklah melalui undian dua pertiga daripada bilangan perwakilan yang menghadiri mesyuarat itu.

(5) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas

32. (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas itu bilangan anggota perwakilan yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung perwakilan itu—

- (a) dibatalkan, jika dipanggil oleh Lembaga atau atas rekuisisi perwakilan; atau
- (b) ditunda, jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta.

- (2) Bagi mesyuarat yang ditunda di bawah perenggan (b) fasal (1)—
- (a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari; dan
 - (b) notis penundaan hendaklah diposkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang ditunda.

(3) Perkara-perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung perwakilan yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara-perkara yang telah dicadangkan itu, notis baru menurut fasal (1) undang-undang kecil 29 hendaklah diberi kepada tiap-tiap perwakilan bagi mesyuarat tertunda itu.

Fungsi mesyuarat agung perwakilan

33. (1) Fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
- (b) membentangkan laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- (c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta dan laporan juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
- (d) melantik anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan Koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;
- (f) membentangkan suatu laporan berkenaan dengan penerimaan deposit daripada anggota dan pembiayaan daripada anggota dan bukan anggota;
- (g) meluluskan elauan yang akan diberikan kepada anggota Lembaga dan saraan yang akan dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari Koperasi, jika ada;

- (h) meluluskan pelantikan satu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun Koperasi;
- (i) menimbang dan meluluskan cadangan penubuhan subsidiari, jika ada;
- (j) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan wang lebihan Koperasi mengikut seksyen 54 Akta;
- (k) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pelupusan harta tak alih dan ekuiti di dalam subsidiari;
- (l) menimbang dan meluluskan surat cara skim simpanan, deposit atau pembiayaan, jika ada;
- (m) menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- (n) melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam perwakilan dan empat anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan, jika ada;
- (o) mengisyihar atau mengeluarkan syer bonus, jika ada;
- (p) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada Koperasi;
- (q) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
- (r) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang dibawa oleh mana-mana anggota Koperasi yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan dipanggil telah diberikan kepada Koperasi ini;
- (s) meluluskan apa-apa perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (t) menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut peraturan-peraturan, jika ada.

(2) Walau apapun fasal (1), fungsi yang dinyatakan di dalam perenggan (g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r) dan (t) boleh diputuskan di dalam

mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil di bawah subseksyen 40(1) Akta.

(3) Menurut subperaturan 14(3) Peraturan, fungsi mesyuarat agung perwakilan tahunan yang dinyatakan di dalam fasal (1) boleh diputuskan di dalam mesyuarat agung perwakilan khas yang diadakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta.

(4) Mesyuarat agung perwakilan boleh menamatkan pelantikan kesemua atau mana-mana anggota Lembaga dengan syarat usul secara bertulis telah diterima oleh Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan diadakan. Sebarang usul tergempar tidak dibenarkan.

Pengerusi mesyuarat agung perwakilan

34. (1) Pengerusi koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan. Jika Pengerusi tidak hadir, mesyuarat hendaklah memilih mana-mana perwakilan yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Walau apapun fasal (1), mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta boleh dipengerusikan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya.

Minit mesyuarat agung perwakilan

35. Minit mesyuarat agung perwakilan hendaklah—

- (a) disediakan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh mesyuarat;
- (b) ditentusahkan oleh jawatankuasa yang dilantik menurut perenggan (*n*) fasal (1) undang-undang kecil 33;
- (c) ditandatangani oleh setiausaha; dan
- (d) diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung perwakilan.

Lembaga Koperasi

36. Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi **dua belas** orang yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (*d*) fasal (1) undang-undang kecil 33.

Kelayakan menjadi anggota Lembaga

37. (1) Dalam menentukan sama ada seseorang perwakilan layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga, kriteria yang berikut hendaklah diambil kira:

- (a) ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya; dan
- (b) reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya.

(2) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga jika dia—

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji di dalam Koperasi ini;
- (e) ada percanggahan kepentingan di dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau
- (f) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun.

(3) Walau apa pun fasal (6) undang-undang kecil 18, seorang penama atau wakil yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.

Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga

38. (1) **Satu pertiga** daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan pada setiap tahun di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(2) Kiraan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi secara bergilir-gilir pada setiap tahun bagi **dua pertiga** anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun **keempat** atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh **tiga** tahun sebelum itu.

(3) Penggiliran pengosongan jawatan tetap berlaku walaupun mesyuarat agung perwakilan tahunan tidak diadakan. Walau bagaimanapun pengguguran hanya akan berlaku pada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terawal diadakan.

(4) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (1), (2) dan (3).

(5) Anggota Lembaga yang dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan hendaklah berkhidmat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang.

Pelucutan jawatan anggota Lembaga

39. Seseorang anggota Lembaga hendaklah lucut jawatannya dengan sendiri berkuat kuasa serta-merta jika dia—

- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;
- (b) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji di dalam Koperasi ini;
- (c) tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut melainkan dengan sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu;
- (d) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20; atau
- (e) terhenti keanggotaan menurut undang-undang kecil 21.

Penamatan pelantikan anggota Lembaga

40. (1) Walau apapun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 38, mesyuarat agung perwakilan tahunan mempunyai kuasa menurut subperaturan 18(5) Peraturan—

- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga; dan
- (b) memilih gantinya,

dengan syarat bahawa cadangan bertulis bagi penamatan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan itu dipanggil.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota Lembaga yang ditamatkan pelantikannya menurut undang-undang kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang.

Pengantungan dan penamatan jawatan anggota Lembaga

41. (1) Lembaga boleh mengantung jawatan mana-mana anggota Lembaga jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi, menurut subperaturan 21(1) Peraturan.

(2) Tiada seseorang pun anggota Lembaga boleh digantung jawatannya melainkan jika dia telah diberikan peluang untuk didengar di dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung jawatannya di bawah fasal (1) hendaklah, mulai dari tarikh pengantungan itu, berhenti menjalankan segala hak, kewajipan dan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga Koperasi dan dia tidak berhak untuk menerima apa-apa elaun selama tempoh pengantungan jawatan itu.

(4) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung boleh ditamatkan jawatannya tertakluk kepada pengesahan majoriti perwakilan di dalam mesyuarat agung perwakilan terawal yang diadakan selepas pengantungan itu.

(5) Penamatan jawatan anggota Lembaga yang digantung hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pengantungannya.

(6) Jika penamatan mana-mana anggota Lembaga tidak disahkan oleh mesyuarat agung perwakilan, Koperasi hendaklah mengekalkan jawatan anggota Lembaga itu dan apa-apa elaun yang sepatutnya kena dibayar kepada

anggota Lembaga itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

(7) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatan jika—

- (a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut Subseksyen 47 (1) Akta; atau
- (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudarangkan kepentingan Koperasi ini, menurut Peraturan.

(8) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah—

- (a) didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;
- (b) anggota itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan;
- (c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung perwakilan tersebut; dan
- (d) keputusan penggantungan anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti anggota yang hadir di dalam mesyuarat agung perwakilan itu.

Penggantungan jawatan pegawai Koperasi

42. (1) Menurut subseksyen 47(1) Akta, Lembaga hendaklah menggantung jawatan seseorang pegawai yang dikenakan tindakan prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan di bawah Akta sama ada yang melibatkan Koperasi ini atau mana-mana koperasi lain.

(2) Pegawai yang digantung jawatannya hendaklah berhenti menggunakan apa-apa hak atau melaksanakan apa-apa fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu dan dia tidak boleh menerima apa-apa saraan berkenaan dengan jawatan itu mulai tarikh prosiding dimulakan terhadapnya sehingga selesai dengan muktamadnya prosiding itu termasuk prosiding rayuan.

(3) Jika pegawai yang digantung jawatan itu dibebaskan, dia hendaklah dibayar apa-apa saraan yang sepatutnya kena dibayar kepadanya dalam tempoh penggantungan itu.

Peletakan jawatan anggota Lembaga

43. (1) Menurut subperaturan 18(6) Peraturan, seseorang anggota Lembaga boleh mengosongkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Lembaga empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu.

(2) Keputusan menerima atau menolak pemohonan meletakkan jawatan hendaklah dibuat oleh Lembaga di dalam mesyuarat Lembaga terawal selepas penerimaan notis itu.

(3) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana perwakilan yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat pada tarikh mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terawal diadakan.

Mesyuarat Lembaga

44. (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah—

- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (b) melantik dikalangan anggota Lembaga seorang pengurus, setiausaha dan bendahari; dan
- (c) memutuskan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani cek Koperasi.

(2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh **tiga** bulan

(3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya—

- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau

- (b) **tujuh** orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara yang hendak dibincangkan.
- (4) Keputusan mesyuarat Lembaga adalah sah walaupun—
(a) ketidakhadiran mana-mana anggota Lembaga;
(b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui di dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana anggota Lembaga atau pembentukan Lembaga;
(c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau
(d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota Lembaga.
- (5) Lembaga boleh menjemput mana-mana orang ke mesyuarat untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang tersebut tidak boleh mengundi dan boleh dibayar elauan atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga..
- (6) Semasa ketiadaan pengurus atau timbalan pengurus, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir hendaklah dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Notis mesyuarat Lembaga

45. Notis bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diberi kepada semua anggota Lembaga dalam tempoh tidak kurang dari tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat itu.

Kuorum mesyuarat Lembaga

46. Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 36.

Urusan mesyuarat Lembaga

- 47.** Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
(b) membincangkan perkara berbangkit;
(c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan di mana berkenaan perkara berikut:

- (i) keputusan mesyuarat agung perwakilan dan menentukan tindakan;
 - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) laporan pengurusan;
 - (iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;
 - (v) permohonan berhenti daripada menjadi anggota;
 - (vi) permohonan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit daripada anggota;
 - (vii) permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pembiayaan; dan
 - (viii) permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer dan yuran;
- (d) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
 - (e) mengkaji dan membincangkan projek Koperasi yang sedia ada dan subsidiari, jika ada;
 - (f) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek baru Koperasi dan subsidiari, jika ada;
 - (g) mengkaji, membincang dan memutuskan hal-ehwal pengurusan dan kakitangan termasuklah—
 - (i) hal-hal perjawatan;
 - (ii) program latihan pekerja; dan
 - (iii) program pendidikan anggota;
 - (h) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman di kalangan anggota menurut undang-undang kecil 55; dan
 - (i) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari dari tarikh mesyuarat.

Undi anggota Lembaga

48. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu hendaklah ditolak. Anggota Lembaga yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.

(3) Seseorang anggota Lembaga yang ada percanggahan kepentingan di dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah

mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau percanggahan kepentingannya di dalam perkara itu dan tidak mengundi atau terlibat di dalam perbincangan mengenai perkara itu.

Minit mesyuarat Lembaga

49. (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah—
- (a) disediakan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat;
 - (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
 - (c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari dari tarikh mesyuarat.
- (2) Minit yang telah disahkan di dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.
- (3) Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan—
- (a) kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(c) Akta; dan
 - (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Kuasa dan kewajipan Lembaga

50. (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.
- (2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:
- (a) melantik seorang pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari di kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 44;
 - (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butiran berikut:
 - (i) nama;
 - (ii) alamat kediaman;
 - (iii) nombor kad pengenalan;
 - (iv) tarikh keanggotaan;
 - (v) pekerjaan; dan

- (vi) jawatan di dalam Koperasi,
dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung
perwakilan tahunannya kepada Suruhanjaya menurut
perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan mengenai
butiran berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada
Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari
dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;
- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
- (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan
syer anggota;
- (e) melantik—
(i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau
(ii) sebuah firma,
bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, jika
perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh
menjadi anggota Lembaga;
- (f) menyenggara akaun bagi:
(i) wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama
Koperasi; dan
(ii) harta dan liabiliti Koperasi,
dengan benar dan betul;
- (g) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi
semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang
disenggara diuruskan dengan sempurna dan kemaskini;
- (h) membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan
tahunan—
(i) minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang
terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung
perwakilan khas yang berselang;
(ii) laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
(iii) akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada,
termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan
59(1)(c) Akta, laporan juruaudit dan pengagihan
untung bersih teraudit, jika ada;
(iv) belanjawan tahunan Koperasi bagi tahun kewangan
yang berikutnya;

- (v) cadangan elauan kepada anggota Lembaga dan upah kepada Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (vi) surat cara skim simpanan, deposit atau pembiayaan, jika ada; dan
 - (vii) cadangan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (i) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus Koperasi jika ada, kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - (j) mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
 - (k) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga, memecat keanggotaan anggota menurut fasil (2) undang-undang kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
 - (l) memanggil mesyuarat agung kawasan dan mesyuarat agung perwakilan menurut Undang-undang Kecil;
 - (m) membuat perjanjian bagi mendapatkan pembiayaan tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
 - (n) melantik pekerja termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan;
 - (o) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
 - (p) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan;
 - (q) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan;
 - (r) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk—

- (i) mengambil bahagian di dalam pelaksanaan projek; atau
 - (ii) menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
- (s) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengurus, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga;
- (t) melantik wakil dikalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
- (u) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sempurnanya dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
- (v) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Koperasi dan aturan mengenai cara mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (j) fasal (1) undang undang kecil 60 dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;
- (w) mengawasi kecekapan, tata tertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi di dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
- (x) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Koperasi dan anggotanya terpelihara; dan
- (y) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, peraturan-peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil dan mesyuarat agung perwakilan dari semasa ke semasa.
- (z) diberi kuasa kepada anggota Lembaga Koperasi untuk menghapuskan harta tetap 'item-item operational'
- (3) Seseorang anggota Lembaga yang memegang suatu jawatan atau memiliki sesuatu harta atau kepentingannya berkaitan perniagaan dengan Koperasi yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, suatu kewajipan

atau suatu kepentingan yang mungkin wujud, yang bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai anggota Lembaga Koperasi ini hendaklah mengisytiharkan di dalam mesyuarat Lembaga pertama yang diadakan selepas:

- (a) pelantikannya, atau
- (b) dia memiliki harta atau perniagaan tersebut,

mengenai hakikat jenis dan takat percanggahan yang mungkin berbangkit.

Liabiliti anggota Lembaga

51. Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungan secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, peraturan-peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil ini, aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau keputusan mesyuarat agung perwakilan.

Tugas pengerusi

52. (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga dan mesyuarat agung perwakilan;
 - (b) mengawasi segala wang, harta dan perniagaan Koperasi dikendalikan mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (c) menandatangani minit mesyuarat yang disahkan;
 - (d) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Koperasi menurut Peraturan, bersama setiausaha atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
 - (e) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga, bila perlu;
 - (f) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buku, rekod dan dokumen Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;
 - (g) menandatangani permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga; dan

(h) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi.

(2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1) boleh diamanahkan kepada timbalan pengerusi atau mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.

Tugas setiausaha

53. (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung perwakilan, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
- (b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
- (c) menyenggara dan mengemaskini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
- (d) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
- (e) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;
- (f) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan
- (g) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada naib setiausaha, pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Tugas bendahari

54. (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) mengendalikan segala wang, harta dan perniagaan Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;

- (c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimaannya;
- (d) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
- (e) menyimpan di dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
- (f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Lembaga;
- (h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya di dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
- (i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(2) Mana-mana tugas bendahari boleh diamanahkan kepada naib bendahari, pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

Jawatankuasa Audit Dalaman

55. Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi tidak kurang daripada **tiga** orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga menurut perenggan (h) undang-undang kecil 47.

Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman

56. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalaman jika dia—

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah ditamatkan sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) menjadi anggota Lembaga Koperasi ini;
- (d) mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan kepada mana-mana koperasi atau institusi perbankan; atau
- (e) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji di dalam Koperasi ini.

Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman

57. (1) Tempoh jawatan setiap anggota Jawatankuasa Audit Dalaman ialah satu tahun dan boleh dilanjutkan oleh Lembaga pada setiap tahun.

(2) Apa-apa kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah diisi oleh Lembaga dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kekosongan itu dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

Penamatan Jawatankuasa Audit Dalaman

58. Seseorang atau kesemua Jawatankuasa Audit Dalaman boleh ditamatkan jawatannya oleh Lembaga jika dia—

- (a) gagal berfungsi menurut fasal (2) atau perenggan (b) dan (c) fasal (4) undang-undang kecil 59;
- (b) gagal memelihara kerahsiaan maklumat perniagaan dan anggota Koperasi;
- (c) menggunakan maklumat Koperasi untuk kepentingan peribadi; atau
- (d) melakukan perkara yang memudaratkan kepentingan Koperasi.

Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman

59. (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa—
- (a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada; dan
 - (b) memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan,
- bagi memastikan hal-ehwal dan perniagaan Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, peraturan-peraturan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana undang-undang bertulis lain, keputusan mesyuarat agung perwakilan dan mesyuarat Lembaga.
- (2) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
 - (b) memeriksa akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
 - (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku di dalam pengurusan Koperasi dengan serta-merta; dan
 - (d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-undang Kecil.
- (3) Jawatankuasa Audit Dalaman boleh, tertakluk kepada kelulusan Lembaga, dibayar upah tetapi amaun upah itu tidak boleh melebihi jumlah wang ditetapkan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- (4) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah—
- (a) melantik di kalangan mereka seorang ketua;
 - (b) bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan; dan
 - (c) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya dua kali setahun.

BAHAGIAN VI

HARTA DAN WANG KOPERASI

Wang dan kumpulan wang Koperasi

60. (1) Wang dan kumpulan wang Koperasi boleh mengandungi—
- (a) fi masuk, syer dan yuran anggota;
 - (b) simpanan khas daripada anggota;
 - (c) deposit daripada anggota;
 - (d) pembiayaan daripada anggota dan bukan anggota;
 - (e) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
 - (f) Akaun Rizab Modal;
 - (g) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
 - (h) derma dan pemberian tertentu;
 - (i) baki keuntungan terkumpul; dan
 - (j) pelbagai kumpulan wang untuk kebajikan anggota dan masyarakat tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan.
- (2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1) undang-undang kecil 9.
- (3) Bagi mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (j) fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan aturan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.

Modal syer

61. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggar **RM2,000.00 (Ringgit: dua ribu)** syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut fasal (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.

(2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut:

- (a) seseorang yang turut sama di dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh dua puluh empat dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan
- (b) seseorang yang diterima menjadi anggota menurut undang-undang kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

Yuran

62. (1) Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya **RM50.00 (Ringgit: lima puluh)** sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Anggota Koperasi di bawah kategori anggota seumur hidup di bawah undang-undang kecil di bawah undang-undang Kecil 11(3)(b), adalah tidak tertakluk kepada syarat sepetimana termaktub di bawah Undang-undang Kecil 62(1).

Pindahan syer

63. (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang kecil 61 kepada anggota lain.

(2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuat kuasa setelah borang pemindahan ditandatangani oleh anggota yang lain itu dan didaftarkan oleh Koperasi, menurut peraturan 26 Peraturan.

(3) Syer seseorang anggota yang mati boleh dipindahkan kepada penama. Bagi anggota Muslim, pemindahan tersebut hendaklah menurut fasil (2) undang-undang kecil 18.

(4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.

Penyelesaian modal syer

64. (1) Jika pemindahan syer seseorang anggota yang tamat keanggotaan oleh apa-apa sebab jua pun tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 63, maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada fasil (2).

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan di dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Tertakluk kepada fasil (4) undang-undang kecil 68, Koperasi boleh menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk membayar syer yang dikeluarkan oleh anggota tertakluk kepada-syarat-syarat berikut:

- (a) Koperasi hendaklah mewujud dan memindahkan sekurang-kurangnya lima peratus daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke Kumpulan Wang Penebusan Syer. Sekiranya Kumpulan Wang Penebusan Syer telah mencapai lima puluh peratus daripada jumlah modal syer dan yuran anggota, maka pindahan kepada Kumpulan Wang Penebusan Syer adalah secara sukarela. Sekiranya Kumpulan Wang Rizab Statutori melebihi seratus peratus daripada jumlah modal syer pada setiap masa, maka syarat ini tidak terpakai;
- (b) Koperasi hendaklah terlebih dahulu menggunakan Kumpulan Wang Penebusan Syer untuk membayar balik syer anggota;
- (c) sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah diwakili oleh aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin; dan

- (d) Koperasi hendaklah menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu.

Simpanan khas

65. Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas daripada anggota tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di dalam aturan dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pembentangan dan deposit

66. (1) Tertakluk kepada perenggan 50(e) Akta dan peraturan-peraturan, Koperasi boleh menerima deposit atau pembentangan wang daripada anggotanya dan dengan kelulusan Suruhanjaya, pembentangan daripada bukan anggota Koperasi.

(2) Peruntukan fasal (1) tidak terpakai kepada pembentangan yang diberikan oleh kerajaan.

(3) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, Koperasi hendaklah—
(a) memberitahu perwakilan mengenai deposit atau pembentangan yang diterima; dan
(b) menetapkan had maksimum keterhutangan termasuk yang sedia ada.

Keuntungan modal

67. (1) Menurut subseksyen 55(1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada—

- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
(b) penilaian semula tanah atau bangunan atau kedua-duanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya,

hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal.

(2) Keuntungan modal menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) penerbitan syer bonus;
- (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
- (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
- (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

(3) Syer bonus boleh diterbitkan menurut Peraturan berasaskan kepada—

- (a) jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota; atau
- (b) penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus dengan syarat:
 - (i) syer menurut perenggan (a) dan (b) dipegang dalam tempoh masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;
 - (ii) nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
 - (iii) semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapuskira; dan
 - (iv) buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

(4) Syer bonus seseorang anggota yang diterbitkan daripada keuntungan modal menurut perenggan (b) fasal (1) boleh dengan kelulusan Lembaga—

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau
- (b) dikeluarkan di dalam hal anggota yang mati.

(5) Pengeluaran menurut perenggan (b) fasal (3) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

Penerbitan syer bonus

68. (1) Menurut peruntukan Akta, Koperasi boleh menerbitkan syer bonus daripada tiga sumber iaitu:

- (a) Akaun Rizab Modal hasil daripada keuntungan jualan aset tetap mengikut perenggan 55(2)(a) Akta;

- (b) Akaun Rizab Modal hasil daripada penilaian semula aset tetap tanah dan bangunan dengan kelulusan Suruhanjaya mengikut subseksyen 55(4) Akta; dan
- (c) Kumpulan Wang Rizab Statutori menurut perenggan 57(1B)(b) Akta dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Syer bonus yang diterbitkan di bawah fasal (1) adalah tertakluk kepada Peraturan dan garis panduan penerbitan syer bonus yang disediakan oleh Suruhanjaya.

(3) Koperasi boleh menggunakan Kumpulan Wang Rizab Statutori untuk menerbitkan syer bonus kepada anggotanya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah melebihi tujuh puluh lima peratus daripada jumlah modal syer dan yuran pada tarikh permohonan dikemukakan kepada Suruhanjaya;
- (b) Koperasi hendaklah memastikan seratus peratus Kumpulan Wang Rizab Statutorinya adalah di dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin;
- (c) Koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu;
- (d) buku dan rekod perakaunan Koperasi telah disenggara dengan memuaskan dan kemaskini; dan
- (e) daftar syer bonus hendaklah disenggara oleh Koperasi dengan sempurna.

(4) Koperasi boleh, dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya dan di dalam mesyuarat agung perwakilan, mengisyihar dan menerbitkan syer bonus kepada anggota—

- (a) yang namanya terdapat di dalam daftar anggota pada tarikh pengisyiharan syer bonus itu; dan
- (b) berdasarkan syer yang dipegang oleh setiap anggota pada dua belas bulan sebelum tarikh pengisyiharan syer bonus itu.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

69. (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.

(2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran.	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit.
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yuran.	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit.

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori dan pada setiap masa baki di dalam kumpulan wang tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota.

Pelaburan wang

70. (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan garis panduan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

Pemberian pembiayaan oleh Koperasi

71. Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada—

- (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan;
- (b) pekerjanya termasuk ketua pegawai eksekutif, tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan mereka; atau
- (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Pengagihan untung bersih teraudit

72. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan di dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta hendaklah diagihkan tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

- (a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) undang-undang kecil 68 dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
- (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut perenggan (a) fasal (1), menurut subseksyen 57(4) Akta.

(2) Selepas pengagihan dan pembayaran menurut fasal (1) dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pembayaran potongan langganan;
- (b) pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;
- (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (d) pemindahan peratusan tertentu kepada pelbagai kumpulan wang untuk kebajikan anggota dan masyarakat.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya yang tidak boleh di dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum sebagaimana yang ditentukan di dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3) boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskira sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskira sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer dan yuran anggota, menurut subseksyen 57(8) Akta.

Dividen dan potongan langganan

73. (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada di dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.

(2) Dividen akan dikira mengikut baki akhir tiap-tiap bulan sepanjang tahun kewangan.

(3) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal yuran anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

(4) Potongan langganan boleh diberi hanya jika langganan seseorang anggota tidak kurang daripada **RM600.00 (Ringgit: enam ratus)** dalam tahun kewangan yang berkenaan.

-----RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG-----

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

Tahun kewangan

74. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada **satu** haribulan **Mei** dan berakhir pada **tiga puluh** haribulan **April** setiap tahun.

Penyenggaraan akaun

75. (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan—

- (a) aset tetap, pelaburan dan deposit;
- (b) syer, yuran serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
- (c) aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan di dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesainya sesuatu transaksi, menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.

(4) Akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.

(5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan—

- (a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga, menurut subseksyen 58(4) Akta; dan
- (b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(6) Rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.

(8) Suruhanjaya boleh, menurut subseksyen 58(5) Akta, di dalam kes tertentu memerintahkan supaya rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(9) Suatu senarai terperinci butiran perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan di dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi, menurut Peraturan.

Resit dan baucar

76. (1) Resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Pelantikan dan kewajipan juruaudit

77. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit bagi mengaudit akaun Koperasi, menurut subseksyen 60(1) Akta.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan. Koperasi hendaklah mengemukakan satu salinan surat cara pelantikan kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit

78. Menurut Peraturan, suatu senarai buku dan dokumen hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangani sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada perwakilan

79. Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap perwakilan tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan—

- (a) akaun perdagangan;
- (b) akaun untung rugi;
- (c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari, jika ada, yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59(2) Akta;
- (e) laporan juruaudit; dan
- (f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Akaun bank

80. Akaun bank bagi Koperasi hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengurus atau setiausaha dan bendahari atau dua orang pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

————RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG————

Mohor Koperasi

81. (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeterai di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga Pengurus, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeterai.

(2) Dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeterai atau tidak, dan ditandatangani dengan sahnya oleh pengurus, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran alamat anggota

82. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyediaan dokumen untuk diperiksa

83. (1) Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi—

- (a) suatu salinan Akta dan peraturan-peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
- (b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
- (c) suatu senarai anggota;
- (d) suatu senarai anggota Lembaga;
- (e) nama ketua pegawai eksekutif, jika ada; dan
- (f) suatu senarai pegawai Koperasi yang terlibat dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

(2) Koperasi hendaklah juga menyediakan aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

Penyerahan tugas

84. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan di dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi

85. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negara, menurut peraturan 37 Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas mengenai mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar yang dihadirinya kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

Pelantikan Yang Dipertua

86. Lembaga boleh melantik seorang kenamaan sebagai Yang Dipertua kepada Koperasi. Dia hanya bertindak sebagai penaung dan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

Pertikaian

87. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujukkan pertikaianya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pemeliharaan kerahsiaan

88. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi di dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

Pembubaran

89. Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

Akta, peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil


90. (1) Undang-undang Kecil ini dibuat tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, peraturan-peraturan, Undang-undang Kecil dan aturan aktiviti yang hendaklah dibaca bersekali.


Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota

91. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.


Diakui Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan **Koperasi Bank Pertanian Malaysia Berhad** bertarikh **dua puluh tujuh** haribulan Oktober tahun **dua ribu lapan belas**.



Zainul Kamar bin Mohd Zain
Pengerusi



Jamaludin bin Mahfodz
Anggota Lembaga



Mohd Fadzli bin Mohd Saat
Anggota Lembaga